

Permudah sasaran Satu Keluarga Satu Rumah - PM

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Bank Negara diminta melihat kembali model pembiayaan perumahan supaya memudahkan pemilikan perumahan bagi memastikan institusi kewangan mempermudah pinjaman untuk B40 dan M40 membeli rumah program perumahan rakyat (PPR) dan rumah mampu milik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, fokus diberi untuk pembelian terus dan sewa untuk milik.

Perkara itu dibincangkan menerusi Mesyuarat Majlis Perumahan Mampu Milik Negara (MPMMN) yang dipengerusikan Perdana Menteri.

Ia adalah satu platform bagi membincangkan dan menyelaras hala tuju perancangan, penyelarasan serta pemantauan bagi penyediaan rumah mampu milik di seluruh negara.

Jelas Perdana Menteri, semua pihak perlu memainkan peranan supaya sasaran Satu Keluarga Satu Rumah dapat direalisasikan.

“Untuk mencapai matlamat ini, Kerajaan Per-



ISMAIL SABRI YAAKOB

sekutuan akan memberi subsidi, kerajaan negeri menyediakan tanah manakala bank mempermudah pembiayaan bagi memastikan harga rumah PPR dan rumah mampu milik dapat dijual dengan harga berpatutan.

“Dalam masa sama, kerajaan komited menyediakan rumah

mampu milik untuk generasi muda supaya mereka dapat memiliki kediaman sendiri,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Ismail Sabri berkata, mesyuarat berkenaan turut memberi tumpuan kepada pembinaan rumah mampu milik di bandar kecil dan pinggir bandar untuk meningkatkan peluang golongan M40 membeli rumah.

Beliau memberitahu, kebimbangan juga disuarakan berhubung kos bahan binaan seperti besi dan keluli yang semakin meningkat serta penguasaan kartel dalam industri pembinaan.

“Justeru, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) diarah supaya menangani perkara ini.

“Jika ia berpunca daripada permit import (AP), mesyuarat mencadangkan supaya ia dibuka kepada semua,” katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan komited memastikan penyediaan rumah kediaman yang mencukupi, berkualiti dan mampu dimiliki bagi memenuhi keperluan penduduk yang semakin bertambah.

Kata beliau, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memperkenalkan *Home Ownership Programme* (HOPE).

Ia bagi melihat ekosistem yang lebih menyeluruh dalam penyediaan perumahan, pembiayaan serta program-program yang dapat membantu Keluarga Malaysia dalam pemilikan perumahan.

Dalam pada itu, kata Perdana Menteri, hala tuju baharu PPR ditetapkan yang mengambil kira keperluan semasa serta memasukkan komponen baharu ke arah menjayakan agenda Malaysia Berdaya Huni.

“Pembinaan PPR baharu akan mengambil kira elemen seperti keterhubungan dan akses internet seperti *fi-bre to the home* (FTTH), jaringan hubungan pengangkutan awam dan reka bentuk yang lebih ekonomik serta lebih selesa.

“Selain itu, strategi penyediaan dan pelaksanaan 500,000 unit rumah mampu milik di seluruh negara sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) turut dibincangkan melibatkan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pihak pemaju perumahan swasta.